

## CelcomDigi 5G home WiFi

### Soalan Lazim

#### 1. Apakah pakej yang tersedia?

Sila rujuk di bawah:

Package	5G home WiFi	5G home WiFi (Pelan sahaja)
Yuran bulanan	RM199.00	RM139.00
Promosi Yuran Komitmen Bulanan	RM149.00	RM99.00
Tempoh Promosi	Tawaran Masa Terhad	Tawaran Masa Terhad
Kuota Data	TANPA HAD	TANPA HAD
Kontrak	24 bulan	Tanpa Kontrak
Bayaran Pendahuluan	RM480.00 (Rebat RM20 x 24 bulan)	RM99.00
Deposit Warga Asing	RM500.00	RM500.00
Penalty Servis	Jumlah berdasarkan baki bulan dalam kontrak	Tidak berkaitan
Router	Router Dwi Mod 5G/4G Nota: Anda akan menerima satu unit router 5G (sesuai dengan 4G+/4G), 1 adapter, 1 kabel LAN dan 1 kotak router.	Tidak berkaitan

#### 2. Siapa yang layak untuk langganan?

CelcomDigi 5G home WiFi tersedia kepada warganegara Malaysian & warga asing yang berumur 21 tahun ke atas.

#### 3. Di manakah saya boleh melanggan WiFi kediaman 5G?

CelcomDigi 5G home WiFi kini tersedia di semua cawangan Celcom Bluecube, Digi Stores, Celcom Certified Partners & Digi Store Express.

#### 4. Apakah yang berlaku jika kawasan saya mempunyai sambungan 5G yang berkala?

Peranti ini dilengkapi dengan perkhidmatan dwi mod 5G/4G. Sekiranya anda tidak mendapat capaian 5G, anda akan disambungkan ke rangkaian 4G.

#### 5. Di manakah saya boleh menyemak kawasan liputan 5G?

Anda boleh menyemak di [SINI](#) atau melawat cawangan Celcom & Digi Stores terdekat untuk menyemak sama ada alamat anda berada dalam kawasan liputan 5G.

#### 6. Bolehkah saya membeli router tanpa kontrak?

Tempoh kontrak selama 24 bulan adalah wajib untuk produk 5G home WiFi

#### 7. Adakah WiFi kediaman 5G disertakan dengan panggilan dan SMS?

Pelan ini tidak menyokong panggilan dan SMS.

#### 8. Bolehkah saya menggunakan perkhidmatan ini semasa berada di luar negara?

Tidak, anda tidak boleh menggunakan perkhidmatan ini di luar Malaysia.

**9. Bagaimanakah cara saya memasang router?**

Router tersedia digunakan, oleh itu tiada pemasangan diperlukan untuk perkhidmatan ini.

Penyediaan adalah sangat mudah. Router 5G tanpa wayar ini tidak perlu kabel ethernet atau perkakasan tambahan.

Cuma pasangkannya di tempat anda mendapat isyarat 5G terkuat di rumah anda – berdekatan dengan tingkap. Isyarat yang kuat ditunjukkan oleh lampu LED pada router anda. Baca e- panduan pengguna di bawah:

- [home WiFi 5G E-Guide](#)

**10. Adakah terdapat bayaran deposit?**

Ya. Tambahan RM500 diperlukan semasa pendaftaran untuk bukan warganegara.

**11. Adakah terdapat bayaran pendahuluan?**

Ya, untuk 5G home WiFi pendaftaran adalah tertakluk kepada bayaran pendahuluan RM480 dan akan direbatkan sebagai RM20 dalam tempoh 24 bulan dan dikreditkan ke bil anda berdasarkan kitaran bil.

Untuk 5G home WiFi Pelan sahaja, bayaran pendahuluan sebulan berdasarkan bil bayaran bulanan anda mungkin dikenakan.

Ia boleh dibayar melalui tunai atau kad kredit/debit.

**12. Jika saya telah melebihi Polisi Penggunaan Saksama, bolehkah saya terus melayari internet?**

Ya, apabila melebihi polisi penggunaan saksama (FUP) sebanyak (1000GB), kelajuan akan dikurangkan kepada 512kbps sehingga kitaran bil anda yang seterusnya. Untuk meneruskan perkhidmatan pada kelajuan normal, anda boleh membeli pelan Internet Tambahan.

**13. Apakah pakej Internet Tambahan yang tersedia?**

Anda boleh membeli mana-mana pakej Internet Tambahan berikut di bawah:

Pakej	Pelan Plus Harian	Pelan Plus Bulanan	Pelan Plus Bulanan
Yuran	RM10.00	RM40.00	RM70.00
Kuota Data	50GB	20GB	40GB
Tempoh Sah	24 jam	Mengikut kitaran bil	

**14. Bagaimanakah cara saya membeli pelan Internet Tambahan?**

Anda boleh membeli Pelan Internet Tambahan melalui Celcom Life atau Celcom Life Hub, My Digi Apps & UMB code \*200#

**15. Jika saya mempunyai langganan Pelan Plus Harian yang aktif, kuota Internet manakah yang akan digunakan dahulu?**

Pelan Harian Plus akan digunakan terlebih dahulu.

**16. Bolehkah saya membeli beberapa langganan Pelan Harian Plus?**

Tidak. Pembelian yang lebih semasa langganan aktif untuk Pelan Harian Plus tidak dibenarkan.

**17. Adakah saya boleh melihat pelan Internet Tambahan yang telah saya langgan?**

Ya. Anda boleh melihat pelan Internet Tambahan yang telah anda langgan melalui Celcom Life App atau Celcom Life Hub dan My Digi App. Walau bagaimanapun, kuota Pelan Tambahan Bulanan anda akan ditambah pada Kuota Internet Pelan Asas anda.

**18. Apakah yang berlaku kepada kuota pelan Tambahan Internet saya yang tidak digunakan apabila tamat tempoh langganan?**

Sebarang kuota yang tidak digunakan akan luput selepas tempoh 24 jam untuk Pelan Harian Plus, atau selepas pembaharuan kitaran bil anda untuk Pelan Bulanan Plus.

**19. Apakah tempoh jaminan untuk router?**

Router mempunyai tempoh jaminan selama dua puluh empat (24) bulan.

**20. Bagaimana jika router saya rosak dan perlu diganti?**

Router 5G home WiFi yang disediakan dilindungi oleh waranti terhad semasa tempoh kontrak anda.

**21. Manakah perlu saya rujuk untuk menggantikan router yang rosak?**

Anda boleh rujuk di mana-mana cawangan Celcom Blue Cube dan Digi Stores untuk penggantian router.

**22. Apakah peranti yang boleh saya sambungkan ke router 5G home WiFi?**

Anda boleh menyambungkan mana-mana peranti pintar yang menggunakan Wi-Fi di rumah anda ke router 5G home WiFi.

**23. Apakah perbezaan antara isyarat 2.4 GHz dan 5 GHz pada pelan 5G home WiFi saya?**

Isyarat 5 GHz lebih pantas tetapi meliputi jarak yang lebih pendek dan mempunyai penembusan dinding yang lebih lemah. Isyarat 2.4 GHz lebih perlahan tetapi meliputi jarak yang lebih jauh dengan penembusan dinding yang lebih baik.

**24. Apakah teknologi Wi-Fi 6?**

CelcomDigi 5G home WiFi mempunyai teknologi Wi-Fi 6 terkini. Daripada meningkatkan kelajuan untuk peranti individu yang disambungkan, Wi-Fi 6 membantu meningkatkan rangkaian apabila banyak peranti disambungkan.

**25. Siapakah pemilik router?**

Router kekal milik CelcomDigi sepanjang tempoh kontrak. Pelanggan akan memperoleh pemilikan dan hak milik kepada router selepas tamat tempoh kontrak anda. Untuk penjelasan, sekiranya anda memilih pembatalan perkhidmatan sebelum kontrak tamat, anda boleh menyimpan router tersebut tertakluk kepada pembayaran caj penalti pembatalan langganan.

**26. Apakah yang berlaku jika router 5G home WiFi yang disediakan oleh CelcomDigi rosak atau hilang semasa tempoh kontrak saya?**

Sebarang kehilangan atau kerosakan (kerosakan fizikal, kerosakan air, sambaran petir, terbakar atau kecuaian oleh pelanggan) akibat kecuaian atau penyalahgunaan tidak dilindungi di bawah waranti, dan sebarang permintaan untuk penggantian dikenakan bayaran, anda akan ditawarkan dengan pilihan penggantian secara langsung pada harga runcit.

**27. Bagaimana jika saya ingin membatalkan langganan saya?**

Anda akan dikenakan caj penalti berdasarkan jumlah baki kontrak (RM149 x 24 bulan kontrak) atau minima RM500 (mana-mana lebih tinggi) jika anda memilih untuk menamatkan perkhidmatan anda sebelum tamat tempoh kontrak.

**28. Bolehkah saya menyimpan router apabila tempoh kontrak telah tamat?**

Ya, pemilikan router akan dipindahkan kepada anda sebaik sahaja kontrak tamat.

**29. Bagaimanakah cara saya menamatkan kontrak saya?**

Penamatan perkhidmatan hanya tersedia di cawangan Celcom Blue Cube dan Digi Stores.